



Artikel AMBD

50 TAHUN MATAWANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM [Bahagian Pertama]

Sebelum tertubuhnya Lembaga Matawang Brunei (BCB), Dolar Malaya dan Borneo British telah digunakan di Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Singapura. Pada 12 Jun 1967, *Board of Commissioners of Currency Malaya and British Borneo* menyerahkan tanggungjawabnya untuk mengeluarkan matawang kepada BCB, Board of Commissioners of Currency, Singapore (BCCS), dan Bank Negara Malaysia (BNM), yang masing-masing mengeluarkan ringgit Brunei (BND), dolar Singapura (SGD) and ringgit Malaysia (MYR).

Pengeluaran matawang pada tahun 1967 ini merangkumi siri matawang kertas dalam lima denominasi (BND 1, BND 5, BND 10, BND 50 and BND 100), dan siri duit syiling, juga dalam lima denominasi (1¢, 5¢, 10¢, 20¢ and 50¢). Kedua-dua siri ini memaparkan potret Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Sultan Muhammad Jamalul Alam II. Gambar di bahagian belakang siri matawang ini adalah Masjid Sultan Omar Ali Saifuddien, dan bagi duit syiling pula merupakan pelbagai reka bentuk tempatan, iaitu rekabentuk melambangkan bunga atau kumpulan bunga (1¢), pohon untuk melambangkan burung (5¢), cakar untuk melambangkan haiwan (10¢), corak bujur menegak melambangkan pokok (20¢) dan panji-panji Negara Brunei Darussalam (50 ¢).

1967 NOTE SERIES



1967 COIN SERIES



Perjanjian Kesalingbolehtukaran Matawang juga telah ditandatangani oleh Negara Brunei Darussalam, Republik Singapura, dan Malaysia pada 12 Jun 1967, di mana matawang masing-masing boleh diterima pada nilai yang sama atau 1:1. Negara Brunei Darussalam dan Singapura, sehingga hari ini, masih meneruskan perjanjian ini, di mana di bawah perjanjian ini, kedua-dua autoriti monetari dan bank-bank komersial masing-masing boleh menerima dan membuat penukaran SGD dan BND, dengan nilai yang sama tanpa caj. Perjanjian ini membolehkan BND dan SGD diterima sebagai ‘customary tender’, masing-masing di Singapura dan Negara Brunei Darussalam.

Selepas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji 'Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menaiki takhta sebagai Sultan Negara Brunei Darussalam ke-29, siri kedua duit syiling telah dikeluarkan pada tahun 1970 dan tahun 1972 bagi siri matawang, di mana kedua siri ini telah memaparkan potret Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Bagi denominasi BND500 dan BND 1000, gambar baru telah diperkenalkan di bahagian belakang matawang tersebut, manakala bagi denominasi lain, gambar yang sama dikekalkan.

1972 NOTES SERIES




1970 COIN SERIES




Pada tahun 1979, BCB telah mengeluarkan set *proof coins* pertama yang mengandungi duit syiling 1¢, 5¢, 10¢, 20¢, 50¢ dan BND 1. *Proof coins* adalah duit syiling khusus untuk pengumpul/ penggemar matawang atau *numismatists* dan bukanlah untuk diedarkan. Dari masa ke semasa, BCB juga akan mengeluarkan duit syiling kenang-kenangan dalam pelbagai komposisi termasuk emas, perak dan kupronikel bersempena dengan acara-acara khas.

Seterusnya, siri ketiga matawang telah diperkenalkan oleh BCB pada tahun 1989, dan di dalam lapan denominasi yang memaparkan potret Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di bahagian depan dan pemandangan yang bertemakan


Kampong Ayer di bahagian belakang. Ini adalah termasuk denominasi tertinggi bagi matawang Brunei, iaitu BND10,000.



Sempena memperingati Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menaiki takhta pada tahun 1992, BCB telah mengeluarkan BND25 edisi terhad.



Pada tahun 1993, set duit syiling baru telah dikeluarkan oleh BCB dengan perbezaan rekabentuk yang ketara daripada duit syiling keluaran tahun 1977. Set keluaran baru ini memaparkan potret Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menghadap ke hadapan, manakala set duit syiling keluaran 1977 memaparkan potret berbentuk *side profile*. Selain daripada itu, nama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga ditukar dari *SULTAN HASSANAL BOLKIAH* kepada *SULTAN HAJI HASANAL BOLKIAH*.



Ikuti bahagian kedua nanti untuk mengetahui mengenai matawang Negara Brunei Darussalam yang seterusnya. Orang ramai adalah juga dialu-alukan untuk melawat Galeri Matawang AMBD di Bangunan BCMB, Kompleks Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, yang mempamerkan beberapa jenis koleksi matawang dari permulaan sejarah matawang Brunei serta wang syiling dan wang kertas *uncut* kenang-kenangan. Galeri ini dibukakan kepada orang ramai dari jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengahari dan 2.00 petang hingga 4.30 petang kecuali pada hari Juma'at dari jam 8.30 hingga 11.00 pagi dan 3.00 hingga 4.00 petang, dan di bulan Ramadhan, 8.30 pagi hingga 2.00 petang, kecuali pada hari Juma'at dari 8.30 hingga 10.30 pagi.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Foto kredit: Galeri Matawang AMBD